

30/09/2002

`Godfather' bukan punca kemelut Puteri

BANGI, Ahad - Kemelut Puteri Umno kini bukan disebabkan faktor `godfather' atau pihak lain dalam Umno yang cuba menentukan kepemimpinan pergerakan itu, tetapi lebih kepada keghairahan menjelang pemilihan pertama barisan kepemimpinannya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yasin, berkata kemelut itu juga adalah proses pembelajaran ahli Puteri yang baru dalam politik dan berharap keadaan kembali tenang selepas pemilihan November depan.

"Sukar untuk kita nyatakan ada sebab lain daripada itu. Saya tak fikir kita nak kaitkan dengan pihak lain. Kita anggap mereka ini (ahli Puteri) sebagai anak-anak.

"Di rumah kalau ada ramai anak-anak pun ada juga masalah, dia sama dia tak setuju tetapi pokoknya jika bapa dia boleh memimpin dan membimbing, maka kurang sikit masalah itu.

"Ini keghairahan kerana pertama kali proses pemilihan berlaku. Kita harap selepas pemilihan, keadaan tidaklah kekal seperti sekarang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Akademi Kajian Ketamadunan (AKK) pada Seminar Serantau Peradaban Melayu di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata, proses pembelajaran adalah biasa bagi entiti baru seperti Puteri Umno yang mana ahlinya masih belum memahami cara dan budaya politik serta semangat perlembagaan parti.

Beliau berkata, apa yang penting ahli Puteri mendengar nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak melakukan perkara yang boleh menjejaskan parti, termasuk membuat kenyataan yang menyerang keperibadian rakan lain.

"Kita harap proses pembelajaran ini tidak ambil masa lama, kalau ada pun cara yang agak kurang itu kita anggap mungkin sebagai masalah permulaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Umno kini mengutamakan latihan kepada ahli baru supaya memahami erti dan semangat perjuangan parti, semangat perlembagaan serta bagaimana membentuk budaya politik yang sihat.

"Kita sudah memulakannya tetapi belum meluas...kita harap mungkin selepas ini perkara ini difahami dan tidaklah menjadi satu keghairahan dalam proses pemilihan," katanya.